

Bil 4 : 2024/25

• • •



KOPLIT

BULETIN KOPLIT

www.koplit.com.my

KOPERASI PERUMAHAN LEPASAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI BERHAD (KOPLIT)



BULETIN KOPLIT
Kini menampilkan 3 segmen baharu!

**RENUNGAN
KELUARGA SAKINAH
DARI DAPUR KOPLIT**



ISI KANDUNGAN

02	KATA ALUAN PENERUSI KOPLIT Dr. Ahmad Tarmizi Hashim
03	ALK SESI 2024/25 Barisan ALK KOPLIT
04	INFO KOPLIT Info dan maklumat terkini KOPLIT
05	PERKHIDMATAN KOPLIT Perkhidmatan yang ditawarkan di KOPLIT
11	KEANGGOTAAN KOPLIT Info & maklumat keanggotaan KOPLIT
12	SOALAN LAZIM (FAQ) Soalan & jawapan yang sering dikemukakan
13	AKTIVITI KOPLIT Sumbangan Kebajikan KOPLIT Projek Perumahan 'Townhouse' KOPLIT
17	TAZKIRAH Orang Islam Mesti Berusaha Menjadi Kaya
19	RENUNGAN <i>(Segmen Baharu)</i> Kelebihan Bersedekah
22	KELUARGA SAKINAH <i>(Segmen Baharu)</i> Tips Membentuk Keluarga Sakinah
23	DARI DAPUR KOPLIT <i>(Segmen Baharu)</i> Resepi pilihan yang enak & berkhasiat



KOPLOT



Dr. Ahmad Tarmizi

KATA ALUAN PENGGERUSI KOPLIT

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum WBT.

Alhamdulillah, sekali lagi kita panjatkan kesyukuran kita kepada Allah SWT kerana dengan limpah izinNya dapat sekali lagi KOPLIT menghasilkan buletin siri yang keempat ini untuk sesi 2024/2025. Jazakumullahukhair dan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung terutama Biro Kebajikan dan Pendidikan sesi 2024/2025.

Setiap kali kita bersama di mana sahaja ada pertemuan kita sentiasa diperingatkan tentang tanggungjawab ALK, anggota dan juga staf pengurusan KOPLIT. Kesungguhan dan komitmen kita semua amatlah perlu untuk memastikan KOPLIT terus bergerak dengan kemampuan yang seimbang fizikal dan rohani.

Biro-biro dan ALK masih terus berusaha untuk memajukan aktiviti KOPLIT. Biro Ekonomi dan Pembangunan Perniagaan telah berada di peringkat akhir dalam menyiapkan projek perumahan satu unit "townhouse". Anggota-anggota koperasi ditawarkan untuk menyewa rumah "townhouse" ini dengan kadar harga yang berpatutan berbanding dengan sewaan di luar. KOPLIT juga telah membeli sebuah bangunan pejabat yang akan disewakan kepada Yayasan Matri dan juga HALUAN Putrajaya. Pejabat KOPLIT juga akan berpindah ke Bangunan baru ini. Ketiga-tiga bangunan ini merupakan penambahan kepada aset-aset KOPLIT yang sedia ada. Adalah diharapkan sewaan dari bangunan baru ini akan mengukuhkan lagi dana koperasi.

Biro Pendidikan dan Kebajikan juga telah membuat penambahbaikan di dalam isi kandungan Buletin KOPLIT dengan harapan akan menarik minat anggota untuk terus merujuk fakta-fakta penting dan juga sebagai bahan pendidikan. Beberapa ruang baru akan dimuatkan di dalam buletin edisi terbaru. Pakej kebajikan KOPLIT juga dibuat beberapa penambahbaikan. Pakej awal persekolahan telah disesuaikan dengan bilangan anak anggota. Dua pakej baru adalah sumbangan hari lahir anggota dan perkahwinan anak anggota. Pakej-pakej kebajikan KOPLIT yang menarik hanya diberikan kepada anggota yang aktif mencarum. Adalah diharapkan dengan adanya pakej kebajikan KOPLIT yang berjumlah sepuluh pakej ini akan memberi suntikan kepada anggota sedia ada untuk terus aktif mencarum dan menarik anggota baru yang berkeelayakan. Pakej kebajikan KOPLIT adalah setanding atau lebih baik jika dibandingkan dengan koperasi-koperasi lain di luar sana. Dalam waktu yang sama, KOPLIT juga akan meneruskan kempen untuk penambahan anggota baharu.

Akhir sekali marilah kita teruskan berdoa semoga Allah SWT memudahkan segala usaha kita dan diberikan kemampuan untuk kita bantu-membantu di antara kita di atas dasar keimanan dengan istiqamah menghayati ayat al-quran surah Al-Maidah ayat dua yang selalu diulang-ulangkan kepada kita.



ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI (ALK) SESI 2024/25



**DR. HJ. AHMAD
TARMIZI BIN HASHIM**
PENGURUSI



**DR. HJ. NIK MUTASIM BIN
HJ. NIK AB RAHMAN**
TIMBALAN PENGURUSI



**MUHAMMAD MUS'AB
BIN SA'ARI**
SETIAUSAHA



AZRONNIZAN BIN AZIZ
PENOLONG SETIAUSAHA



**NURUL SHAHRIDAH
BINTI MD. SALEH**
BENDAHARI



**HJ. EISA BIN
MOHAMED**
PENOLONG BENDAHARI 1



**ALI ZAINAL ABIDIN BIN
NORDIN**
PENOLONG BENDAHARI 2



**HJ. ROSLI BIN
HJ. ADAM**
KETUA BIRO EKONOMI DAN
PEMBANGUNAN PERNIAGAAN



**HJ. M.A. ZAABA BIN
YUSOF**
PENOLONG KETUA BIRO
EKONOMI DAN
PEMBANGUNAN PERNIAGAAN



**HJH. CHE AZIZAH BINTI
ISMAL**
KETUA BIRO KEBAJIKAN &
PENDIDIKAN



**HJH. ALFIAH BINTI
SAMINGAN**
PENOLONG KETUA BIRO
KEBAJIKAN & PENDIDIKAN 1



**HJ. ZAINAL ABIDIN BIN
AHMAD**
PENOLONG KETUA BIRO
KEBAJIKAN & PENDIDIKAN 2



INFO KOPLIT

KOPLIT ditubuhkan dengan tujuan utama untuk menjaga kebajikan anggota sambil membantu meningkatkan ekonomi melalui simpanan bulanan secara konsisten. Dengan galakan kepada anggota untuk menyimpan secara tetap, KOPLIT berjaya mengumpul dana yang kemudian digunakan untuk projek pembiayaan dan pelaburan yang memberi impak besar. Menariknya, keuntungan daripada projek ini akan dikongsi kembali dengan anggota dalam bentuk dividen yang lumayan.

Melalui Tabung Kebajikan, KOPLIT turut memberi bantuan kepada anggota yang memerlukan. Sumbangan kebajikan ini bertujuan meringankan beban dan memastikan kesejahteraan mereka terus terjaga. Selain itu, anggota juga boleh memohon kemudahan kredit untuk pelbagai keperluan seperti membeli kenderaan, barang pengguna, keperluan peribadi, atau memulakan perniagaan.

Antara projek menarik KOPLIT ialah dalam bidang hartanah. KOPLIT memiliki beberapa bangunan, rumah, dan kedai yang disewakan untuk menjana pendapatan tetap. Selain itu, KOPLIT juga menawarkan perkhidmatan takaful dan menjual produk, yang menjadi sumber pendapatan utama untuk memastikan keuntungan berterusan bagi manfaat semua anggota.



1 unit townhouse di Sg. Merab,
Kajang



1 unit townhouse baharu di Sg.
Merab, Kajang

Projek terbaharu KOPLIT ini dalam fasa terakhir untuk disiapkan, iaitu sebuah rumah jenis townhouse di Sungai Merab, Kajang. Ini merupakan rumah townhouse kedua yang dimiliki oleh KOPLIT dan akan disewakan kepada anggota KOPLIT yang layak serta memerlukan. Dengan ini, KOPLIT terus komited menyediakan kemudahan perumahan yang berkualiti untuk anggotanya.



PERKHIDMATAN KOPLOT

1. AGEN TAKAFUL & INSURANS

KOPLIT menyediakan perkhidmatan takaful untuk memudahkan anggota, keluarga dan orang ramai mendapatkan perlindungan yang diperlukan. Antara servis yang ditawarkan ialah:

- Pembaharuan Takaful Kenderaan dan Cukai Jalan – Memastikan kenderaan anda terus dilindungi dan mematuhi undang-undang jalan raya.
- Takaful Projek – Perlindungan komprehensif untuk projek seperti Takaful Kebakaran, Kontraktor All Risk, dan Workmen Compensation.
- Takaful Kebakaran – Melindungi kediaman, bangunan perniagaan, dan kilang anda daripada risiko kebakaran.
- Takaful Kelompok/Pelancongan – Termasuk Short GPA untuk perjalanan dalam Malaysia.

Dengan KOPLIT, urusan takaful anda menjadi lebih mudah, cepat, dan berbaloi. Hubungi kami untuk maklumat lanjut!





PERKHIDMATAN KOPLIT

2. KEMUDAHAN KREDIT

Anggota KOPLIT yang aktif mencarum berpeluang menikmati kemudahan kredit yang disediakan. Untuk memohon, anggota hanya perlu menghubungi pihak pengurusan KOPLIT bagi mendapatkan borang permohonan. Mudah dan mesra untuk keperluan anda!





PERKHIDMATAN KOPLIT

3. SUMBANGAN KEBAJIKAN

Anggota KOPLIT yang aktif mencarum berhak menerima sumbangan kebajikan daripada KOPLIT, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Jika berminat, anda boleh menghubungi pihak pengurusan KOPLIT untuk memohon. Mudah dan cepat!



01

KEMATIAN

Anggota : RM 1000
Ibu/Bapa : RM 500
Suami/Isteri : RM 500
Anak-anak : RM 300

(12 tahun ke bawah, termasuk meninggal semasa lahir)

02

SAKIT (ANGGOTA)

Rawatan di hospital @ warded
(RM 100/hari, Maksimum RM 500)
Sekali dalam setahun



03

BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN

Bantuan awal persekolahan (Anak Anggota)
Bilangan anak 1-3 orang: RM 200/keluarga
Tambahan setiap seorang anak: RM100/orang
(4 orang ke atas)

**(Berkuatkuasa 1 Jan 2025)*



04 MUSIBAH

Banjir / Kebakaran : RM 500
Kemalangan serius: RM 200-500



CEMERLANG AKADEMIK (ANAK ANGGOTA)

05

SPM (5A & ke atas) dan Setara : RM 200
STPM (4A ke atas) dan Setara : RM 200
Termasuk anak yang menghafal
30 juzuk Al-Quran

**(Berkuatkuasa 1 Jan 2025)*



06 SAGUHATI KEMASUKAN KE IPT

RM 200 (sekali sahaja)



07

GRADUAN IPT (DIPLOMA-PHD)

Anak-anak Anggota : RM 300
(sekali sahaja)



08 PERKAHWINAN

Kahwin kali pertama RM 500
(Anggota/Anak Anggota)
**(Berkuatkuasa 1 Januari 2025)*



09

KELAHIRAN ANAK (ANGGOTA)

RM 200



10 SUMBANGAN HARI LAHIR (ANGGOTA)

RM 50 **(Berkuatkuasa 1 Januari 2025)*



Nota:

Tertakluk terma & syarat.
Sumbangan ini tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa koperasi



PERKHIDMATAN KOPLIT

4. PENGEDAR PRODUK HABBAT, HABBAT PLUS & SATIVA CREAM

Anggota KOPLIT dan orang ramai boleh mendapatkan produk HABBAT HABBAT PLUS & SATIVA CREAM yang diedarkan oleh KOPLIT. Mereka boleh menghubungi pihak pengurusan KOPLIT untuk mendapatkan produk atau untuk info lanjut. Untuk makluman, terdapat promosi istimewa untuk anggota KOPLIT/Ahli HALUAN Putrajaya (tertakluk terma & syarat)

HABBAT



RM
60

***UNTUK
ANGGOTA
KOPLIT/AHLI
HALUAN
PUTRAJAYA**

HABBAT diformulasikan oleh pakar perubatan tersohor, **Professor Dr Mustafa Ali Mohd (Pakar Farmakologi & Toksikologi)**

HABBAT-Makanan kesihatan yang diformulasikan daripada habbatussauda', vitamin C, D dan garam mineral, Zink. HABBAT membantu mengekalkan kesihatan secara menyeluruh dengan bertindak sebagai "immune booster", membantu meningkatkan tenaga untuk kecergasan sepanjang hari.

HABBAT dikategorikan sebagai makanan, sesuai untuk kanak-kanak dua tahun ke atas sehingga dewasa. HABBAT boleh diambil pada bila-bila masa sahaja, sebelum atau selepas makan, dan juga bersama dengan ubat hospital. HABBAT ini tidak beracun, tidak toksik dan tiada kesan sampingan.

Habbat - Kesan Anti-radang / Anti-inflamasi

Habbatussauda' mengandungi Thymoquinone.

Thymoquinone membantu **merencat** beberapa **enzim** yang menyebabkan **inflamasi** dalam tisu badan. Kesan anti-inflamasi ini pula akan mengurangkan berbagai kesan yang tak diinginkan dalam badan dan melegakan daripada kesan **sakit dan ketidakselesaan**. Ia juga mengurangkan **bengkak** pada pesakit **sendi** dan melegakan **sistem pernafasan** daripada inflamasi.

HABBAT diformulasikan supaya ia cair dimulut dan terus diserap ke dalam saluran pemakanan tanpa ia sampai ke perut. Dengan cara ini ia tidak rosak bercampur asid dan makanan. Kesannya berlipat ganda berbanding dengan kapsul dan jika ditelan. Kita tak perlu kunyah, hanya letak dalam mulut dan hisap perlahan lahan sahaja. Itulah sebabnya ia buat sebagai *chewable tablet*.



PERKHIDMATAN KOPLIT

HABBAT PLUS



***UNTUK
ANGGOTA
KOPLIT/AHLI
HALUAN
PUTRAJAYA**

HABBAT PLUS diformulasikan oleh pakar perubatan tersohor, **Professor Dr Mustafa Ali Mohd (Pakar Farmakologi & Toksikologi)**

HABBAT PLUS :

- Formulasi Habbatussauda' tanpa pemanis sintetik.
- Ekstrak dari United Kingdom dengan kaedah ekstraksi baru.
- Formulasi yang memaksimumkan kesan Habbatussauda'
- HABBAT PLUS amat sesuai untuk membantu pesakit berikut:
 - Autisme, Alzheimer, Dementia atau Nyanyuk, Parkinson ADH (Kanak-kanak tidak boleh fokus atau hiperaktif)
- Formulasi yang memaksimumkan kesan Habbatussauda'
- HABBAT PLUS mempunyai kandungan yang sama seperti HABBAT, tetapi mengandungi kandungan Thymoquinone yang lebih tinggi, bagi membolehkannya melepasi 'blood brain barrier' bagi membantu merawat penyakit seperti di atas.

"Ambil HABBAT /HABBAT PLUS setiap hari, Insya Allah anda akan dilindungi."



PERKHIDMATAN KOPLIT

SATIVA - Moisturizing Cream



***UNTUK
ANGGOTA
KOPLIT/AHLI
HALUAN
PUTRAJAYA**

SATIVA MOISTURISING CREAM diformulasikan oleh pakar perubatan tersohor, **Professor Dr Mustafa Ali Mohd (Pakar Farmakologi & Toksikologi)**

SATIVA-Krim pelembab pelbagai guna. Juga dikenali sebagai krim mujarab kerana ia boleh digunakan untuk membantu merawat pelbagai jenis penyakit yang berkaitan kulit seperti eczema, luka dan sebagainya. Ia memelihara kelembapan kulit untuk kulit yang sihat. Diperkaya dengan habbatus sauda' untuk mengawal sistem imunisasi dan menguatkan ketahanan. Mengandungi antioksidan, thymoquinone dan nigellidine yang membantu mencegah keradangan dan mencegah kerosakan pada kulit.



KEANGGOTAAN KOPLIT

Keanggotaan KOPLIT terbuka kepada ahli HALUAN yang aktif dan komited selaras dengan akta koperasi dan undang-undang kecil KOPLIT. Kepada mereka yang berminat dan berkelayakan, boleh memohon untuk menjadi anggota KOPLIT.

Bil	MAKLUMAT CARUMAN ANGGOTA KOPLIT	JUMLAH (RM)
1	SAHAM (SEPANJANG KEANGGOTAAN)	500
2	CARUMAN BULANAN	50
	PECAHAN CARUMAN BULANAN	
A	SAHAM/YURAN	10
B	SIMPANAN AL-WADIAH	27
C	SIMPANAN HARTANAH	5
D	SKIM KEBAJIKAN	5
E	SUMBANGAN PENTADBIRAN	3
	JUMLAH CARUMAN BULANAN	50



Imbas kod QR untuk
mencarum

**Simpan & nikmati pelbagai
manfaat**

**Tertakluk terma & syarat*

PECAHAN KEANGGOTAAN MENGIKUT ZON

JUMLAH BILANGAN ANGGOTA: 512 ORANG

Bil	ZON 1 : PUTRAJAYA, BANGI, KAJANG, SERDANG	JUMLAH
1	BILANGAN ANGGOTA	198
2	ANGGOTA AKTIF	101
3	ANGGOTA TIDAK AKTIF	97
4	ANGGOTA MENINGGAL DUNIA	5
5	ANGGOTA BERHENTI	4
6	KEANGGOTAAN BAHARU 2024	7
7	JUMLAH ANGGOTA TERKINI 2024 (31 DISEMBER)	196

Bil	ZON 2 : KLANG, KUALA LUMPUR, CHERAS DAN LAIN-LAIN	JUMLAH
1	BILANGAN ANGGOTA	298
2	ANGGOTA AKTIF	38
3	ANGGOTA TIDAK AKTIF	260
4	ANGGOTA MENINGGAL DUNIA	13
5	ANGGOTA BERHENTI	47
6	KEANGGOTAAN BARU 2024	0
7	JUMLAH ANGGOTA TERKINI 2024 (31 DISEMBER)	238



SOALAN LAZIM

Soalan Lazim (FAQ)

Q: Apakah itu KOPLIT?

A: KOPLIT adalah ringkasan nama bagi Koperasi Perumahan Lepasn Institusi Pengajian Tinggi Berhad.

Q: Siapakah yang layak memohon sebagai anggota KOPLIT?

A: Keanggotaan KOPLIT terbuka kepada ahli HALUAN yang aktif dan komited, selaras dengan akta koperasi dan undang-undang kecil KOPLIT.

Q: Siapakah anggota aktif?

A: Anggota yang konsisten mencarum setiap bulan di KOPLIT.

Q: Berapakah caruman bulanan KOPLIT?

A: Caruman bulanan KOPLIT adalah sebanyak RM 50. Untuk makluman, anggota KOPLIT perlu melengkapkan jumlah saham sebanyak RM 500 untuk sepanjang keanggotaan mereka sama ada dibayar sekali gus atau secara ansuran.

Q: Apakah manfaat keanggotaan KOPLIT yang aktif?

A: Mereka layak mendapatkan kemudahan kredit dan sumbangan kebajikan apabila memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan iaitu mencarum sekurang-kurangnya setahun. Anggota yang mempunyai saham penuh RM 500 akan diberi keutamaan.

Q: Bagaimana ingin memohon sebagai anggota KOPLIT?

A: Sila hubungi KOPLIT di talian 019-220 6244 atau email ke info@koplit.com.my atau muat turun Borang Keanggotaan KOPLIT di website KOPLIT: https://www.koplit.com.my/info_koplit/manfaat_keahlian/

Q: Bagaimana cara ingin mendapatkan info terkini KOPLIT?

A: Sila layari laman sesawang KOPLIT di www.koplit.com.my dan muat turun Buletin KOPLIT yang akan diterbitkan secara berkala.



KOPLIT

AKTIVITI KOPLIT

SUMBANGAN KEBAJIKAN KOPLIT

KOPLIT telah melaksanakan pemberian sumbangan kebajikan kepada anggota yang layak dari Julai hingga Disember 2024.

Semoga sumbangan ini dapat meringankan beban anggota, menjadi hadiah istimewa bagi mereka yang menyambut kelahiran cahaya mata, suntikan semangat bagi anggota yang sedang menuntut ilmu, serta penghargaan kepada mereka yang berjaya menamatkan pengajian.



PROJEK PERUMAHAN 'TOWNHOUSE' KOPLIT

KOPLIT dengan jayanya telah melaksanakan projek perumahan townhouse terbaru dan kini berada di peringkat akhir penyempurnaan satu unit rumah 'townhouse'.

Sebagai keistimewaan eksklusif untuk anggota koperasi, rumah townhouse ini ditawarkan untuk disewa pada kadar yang lebih berpatutan berbanding harga pasaran. Ini memberi peluang kepada anggota untuk memiliki kediaman yang selesa, berkualiti, dan menjimatkan, selaras dengan komitmen KOPLIT dalam menjaga kebajikan anggotanya.






KOPLIT

Sumbangan Kebajikan KOPLIT


Sumbangan kebajikan turut dilaksanakan sepanjang tahun 2024, bermula dari bulan Julai hingga Disember. Program ini bertujuan membantu golongan yang memerlukan, sejajar dengan komitmen KOPLIT untuk menjaga kebajikan anggotanya dan menyumbang kepada masyarakat.



**Graduasi IPT -
Amirah Hanis Binti Mohd Sabbri**



**Musibah (Banjir) -
Amir Muzakkir Bin Ihsan**



**Kematian (Ibu) -
Nur Atiqah Binti Abdullah**



**Kelahiran anak - Khalida Nazihah
Binti Baderol Allam**



**Kematian (Ibu) -
Nurul Shahridah Binti Md Saleh**



**Kelahiran anak -
Siti Syafiqah Binti Mahyiddin**



KOPLIT

Laporan Sumbangan Kebajikan KOPLIT

JULAI - DISEMBER 2024

SUMBANGAN KEBAJIKAN MENGIKUT JENIS SUMBANGAN

Bil	JENIS SUMBANGAN	BILANGAN ANGGOTA TERIMA	JUMLAH
1	KHAIRAT KEMATIAN	3	1,500.00
2	KEMASUKAN WAD	1	400.00
3	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	0	0.00
4	KELAHIRAN ANAK	5	1,000.00
5	PERKAHWINAN	0	0.00
6	CEMERLANG SPM/STPM/TAHFIZ	0	0.00
7	KEMASUKAN IPT	4	800.00
8	GRADUAN IPT	5	1,500.00
9	LAIN-LAIN BENCANA	1	300.00
10	HARI LAHIR (BERKUATKUASA JANUARI 2025)	0	0.00
		JUMLAH KESELURUHAN	5,500.00

SENARAI PENERIMA SUMBANGAN

Bil	TARIKH	SUMBANGAN KEBAJIKAN	NAMA PENERIMA	JUMLAH
1	17/07/2024	KEMATIAN (BAPA)	AMIRAH BINTI AHMAD ZAIN	500.00
2	17/07/2024	MUSIBAH (BANJIR)	AMIR MUZAKKIR BIN IHSAN	300.00
3	23/07/2024	KELAHIRAN ANAK	WAN MOHAMAD AKMAL BIN WAN ZAIM	200.00
4	30/07/2024	GRADUAN IPT ((UNIVERSITY OF SOUTHAMPTON)	WAN ABDUL ALIM BIN WAN ABDULLAH SABARY	300.00
5	14/08/2024	KELAHIRAN ANAK	KHALIDA NAZIHAH BINTI BADEROL ALLAM	200.00
6	20/08/2024	KEMATIAN (IBU)	NURUL SHAHRIDAH BINTI MD SALEH	500.00
7	28/08/2024	KEMASUKAN KE IPT (UITM)	AISHAH HUMAIRA BINTI ABDULLAH PIRUS	200.00
8	03/09/2024	KELAHIRAN ANAK	SITI SYAFIQAH BINTI MAHYIDDIN	200.00
9	03/09/2024	KELAHIRAN ANAK	MUHAMMAD SHUHAIB BIN MEGAT SAIDI	200.00
10	11/09/2024	KEMASUKAN KE IPT (UIAM)	SAFIYAH BINTI AZIZAN	200.00
11	11/09/2024	KEMASUKAN KE IPT (POLITEKNIK)	IBRAHIM AL-KHALIL BIN MOHD NASRUDDIN	200.00
12	25/09/2024	KEMASUKAN KE IPT (UITM)	MUHAMMAD SOBIR BIN NUR 'IZZAT	200.00
13	18/10/2024	GRADUAN IPT (USIM)	IZZATUN 'AISYAH BINTI MOHD NASRUDDIN	300.00
14	01/11/2024	KELAHIRAN ANAK	HASAN AL-BASRI BIN AHMAD TARMIZI	200.00
15	22/11/2024	KEMASUKAN KE HOSPITAL (4HARI)	ROMIZA BINTI AHMAD JUNID	400.00
16	28/11/2024	KEMATIAN (IBU)	NUR ATIQA BINTI ABDULLAH	500.00
17	14/02/2024	GRADUAN IPT (UKM)	NUR FARZANA BINTI ABDULLAH PIRUS	300.00
18	14/02/2024	GRADUAN IPT (WIDAD UNIVERSITY)	NUR FARHANA BINTI ABDULLAH PIRUS	300.00
19	15/02/2024	GRADUAN IPT (USAS)	AMIRAH HANIS BINTI MOHD SABBRI	300.00
			JUMLAH KESELURUHAN	5,500.00



PROJEK PERUMAHAN 'TOWNHOUSE' KOPLIT

Sebuah rumah jenis 'townhouse' telah dibangunkan di tanah KOPLIT beralamat di Lot 20, Sungai Merab Luar. Keluasan rumah adalah 20 x 40 kaki persegi dengan 3 bilik dan 2 bilik air. Projek bermula pada 10 Julai 2024 sehingga kini dengan anggaran kos RM 220,000.00





KOPLOT



TAZKIRAH

ORANG ISLAM MESTI BERUSAHA MENJADI KAYA

Oleh: Dr. Nik Mutasim Bin Hj. Nik Ab Rahman

Dalam senarai 10 individu terkaya di Malaysia seperti yang dikeluarkan oleh Majalah Forbes bagi tahun 2024 didapati tidak ada seorang pun yang beragama Islam. Individu paling kaya ialah Tan Sri Robert Kuok dengan memiliki nilai kekayaan sebanyak AS\$11.5 Billion. Dalam kalangan tokoh Korperat Melayu Islam, hanya 3 orang tersenarai dalam 50 tempat teratas iaitu Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary; pemilik Weststar Aviation Services Sdn Bhd (WAS), Tan Sri Dr Syed Azman Syed Ibrahim dan tokoh perbankan terkemuka negara, Tan Sri Azman Hashim. Tan Sri Syed Mokhtar menduduki tangga ke-15 dengan nilai kekayaan bersih, AS\$1.3 bilion (RM6.23 bilion), Tan Sri Dr Syed Azman berada di kedudukan ke-28, dengan AS\$765 milion (RM3.7 bilion), manakala Tan Sri Azman Ibrahim menduduki tempat ke-32 mengumpul sebanyak AS\$660 milion (RM3.2 bilion). Dengan sedikit paparan fakta ini, memberi petunjuk bahawa di negara ini dari sudut penguasaan harta atau kekayaan, jurang antara orang Islam dengan bukan Islam masih lagi jauh.

Dalam Islam kekayaan dan kesejahteraan merupakan dua konsep penting yang diberi perhatian dalam kehidupan. Dari segi zahirnya terdapat hubungan selari antara kedua-dua konsep ini. Dalam Al-Quran Allah gariskan dengan jelas berhubung keperluan untuk umat Islam berusaha mencari dan menambahkan kekayaan iaitu melalui ayat 261-263 surah Al- baqarah, bermaksud, "Perumpamaan orang yang menginfakkan hartanya di jalan Allah seperti sebutir biji yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada setiap tangkai ada seratus biji. Allah melipatgandakan bagi siapa yang Dia kehendaki, dan Allah Mahaluas, Maha mengetahui. Orang yang menginfakkan hartanya di jalan Allah, kemudian tidak mengiringi apa yang dia infakkan itu dengan menyebut-nyebutnya dan menyakiti (perasaan penerima), mereka memperoleh pahala di sisi Tuhan mereka. Tidak ada rasa takut pada mereka dan mereka tidak bersedih hati. Perkataan yang baik dan pemberian maaf lebih baik daripada sedekah yang diiringi tindakan yang menyakiti. Allah Mahakaya, Mahapenyantun." Ayat ini jelas menyatakan kewajiban orang Islam untuk berinfaq. Tentu sekali tanpa sumber kekayaan saranan berinfaq tidak mungkin dapat dijayakan. Demikian juga dengan pelaksanaan ibadah yang lain seperti menunaikan ibadah haji atau umrah, menyemarakkan amal kebajikan, bantuan misi kemanusiaan, berdakwah, usaha-usaha membiayai aktiviti pentarbiyahan dan pendidikan dan sebagainya. Hatta, kekayaan juga penting bagi memelihara aqidah umat Islam. Dalam konteks ini, Rasulullah SAW bersabda iaitu "Sesungguhnya kefakiran itu boleh menjerumuskan ke jurang kekafiran". Betapa ramai kita saksikan dalam kalangan orang Islam yang miskin terjermus ke kancuh kemaksiatan dan kemurtadan disebabkan kemiskinan.



KOPLIT

SAMBUNGAN TAZKIRAH...

Kekayaan juga dapat menghindarkan umat Islam daripada terjerumus ke kancah riba. Dalam surah Al-Baqarah ayat 275-76, Allah SWT berfirman bermaksud, "Orang-orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu adalah disebabkan mereka berkata (berpendapat) sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba, padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Orang-orang yang telah sampai kepadanya larangan dari Rabbnya lalu terus berhenti (dari mengambil riba) maka

baginya apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum datang larangan) dan urusannya (terserah) kepada Allah. Orang yang kembali (mengambil riba), maka orang itu adalah penghuni-penghuni neraka. Mereka kekal didalamnya. Allah memusnakan riba dan menyuburkan orang yang tetap dalam kekafiran dan selalu berbuat dosa." (Al-Baqarah: 275-276). Demikian juga dalam surah Ali-Imran ayat 130 Allah SWT berfirman mengenai larangan riba yang ertinya; Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan riba dengan berlipat ganda) dan bertakwalah kepada Allah agar kamu beruntung.

Dalam sirah perjalanan hidup sahabat Nabi SAW, didapati dalam kalangan 10 sahabat Rasulullah yang dijamin masuk surga, sembilan diantaranya adalah orang yang luar biasa kaya yaitu Abu Bakar *Ash-Shidiq*, Umar bin Khattab, Utsman bin Affan, Thalhah bin Ubaidillah, Zubair bin Awwam, Abdurrahman bin Auf, Sa'ad bin Abi Waqqas, Sa'id bin Zaid, Abu Ubaidah bin Al-Jarrah. Di peringkat awal kerasulan, mereka inilah antara sosok-sosok yang membiayai keperluan da'wah dan jihad Islam. Tidak sedikit sahabat-sahabat yang asalnya hamba telah dimerdekakan melalui tangan-tangan mereka. Isteri Rasulullah SAW sendiri iaitu saidatina Khadijah RA merupakan seorang peniaga yang kaya raya dan begitu banyak menyumbang kepada usaha memartabat syiar Islam dan tugas kerasulan Nabi Muhammad SAW.

Justeru kerana itu orang Islam mesti berusaha menjadi kaya sama ada secara individu mahupun secara kolektif. Namun bersama kekayaan tentunya ada tanggungjawab dan akauntabiliti. Harta dalam Islam adalah amanah yang harus dipelihara dan diurus dengan benar dan bijaksana. Dalam Al-Qur'an, Allah SWT mengatakan bahwa Dia adalah Pemilik semua yang ada di bumi dan di langit, termasuk harta: "Berimanlah kalian kepada Allah dan Rasul-Nya, dan nafkahkanlah sebagian dari hartamu yang Allah telah menjadikan kamu sebagai pengelolanya." (Al-Hadid: 7) Ayat ini menunjukkan bahwa manusia bukanlah pemilik mutlak harta, tetapi lebih sebagai pengelola atau pemegang amanah. Mereka memiliki hak untuk mencari dan memiliki harta, tetapi mereka harus menggunakannya sesuai dengan aturan Allah.

Amanah dalam harta mencakup cara harta digunakan atau dibelanjakan. Tanggung jawab dalam pengelolaan harta dalam Islam amat diberi perhatian. Islam sangat memperhatikan cara seorang Muslim mengelola harta mereka. Semua orang yang memiliki harta mempunyai tanggung jawab moral dan sosial. Zakat wajib dikeluarkan apabila cukup syarat-syaratnya. Zakat adalah salah satu bentuk tanggung jawab sosial dalam Islam yang bertujuan untuk membersihkan harta benda. Membayar zakat membantu keseimbangan sosial dan memenuhi kewajiban agama. Zakat mengurangi jurang antara yang berada dan yang miskin. Sabda Rasulullah SAW. "Seseorang tidak beriman jika ia tidur dengan kenyang sementara tetangganya kelaparan." Hadis ini (HR. Bukhari)

Koperasi merupakan wasilah kolektif yang sangat penting dalam menyumbang ke arah meningkatkan kekayaan masyarakat bagi menyempurnakan keperluan melaksanakan tanggungjawab agama dan sosial serta kebajikan masyarakat. Peranannya amat besar dan telah terbukti berkesan selama ini. Kesedaran berkoperasi perlu ditingkatkan. Usaha untuk berganding bahu bagi menjayakan cita-cita dan tujuan murni koperasi amat perlu diperkasakan agar manfaatnya menyeluruh dan dirasakan khususnya dalam kalangan ahli.



KOPLIT

RENUNGAN

Kelebihan Bersedekah

Fadhilat dan Kelebihan Amalan Sedekah

Antara fadhilatnya ialah, firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredhaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi, yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Kalau ia tidak ditimpa hujan lebat maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiraminya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa melihat akan apa yang kamu lakukan.” (Surah al-Baqarah: 265)

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Orang-orang yang membelanjakan (mendermakan) hartanya pada waktu malam dan siang, dengan cara sulit atau terbuka, maka mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, serta mereka pula tidak akan berdukacita.” (Surah al-Baqarah: 274)

Dalam sebuah Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A, bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ إِلَّا مَنْ صَدَقَ جَارِيَةً أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

Maksudnya: “Apabila mati seorang manusia, terputuslah daripadanya amalannya kecuali tiga perkara: Sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang mendoakan baginya.”

Riwayat Muslim (1631), al-Nasa’i (3651), al-Tirmizi (1376) dan Abu Daud (2880)



Sambungan.. Kelebihan Bersedekah

“Sesiapa yang meringankan kesusahan orang lain, Allah akan membalasnya dengan kebaikan di dunia dan akhirat.”

Daripada Abu Hurairah RA, daripada Nabi SAW bersabda:

مَنْ نَفَّسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا نَفَّسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَمَنْ مَسَّ عَلَى مُعْسِرٍ بَسَّ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ

Maksudnya: “Sesiapa yang meringankan daripada seorang mukmin satu kesusahan daripada kesusahan-kesusahan dunia, Allah SWT akan meringankan daripadanya satu kesusahan daripada kesusahan di Hari Kiamat. Sesiapa yang memudahkan kepada orang yang kesempitan, Allah akan memudahkan kepadanya di dunia dan akhirat. Sesiapa yang menutup (aurat atau keaiban) seorang muslim, Allah akan menutup (aurat atau keaiban) nya di dunia dan akhirat. Allah sentiasa menolong seseorang hamba selama mana hamba itu menolong saudaranya. Riwayat Muslim (2699)

“Bersedekah amalan ke syurga dan menjauhkan dari neraka”

Diriwayatkan daripada Mu'az bin Jabal RA, beliau berkata: Wahai Rasulullah SAW, beritahu kepada saya suatu amalan yang akan memasukkan saya ke dalam syurga dan menjauhkan saya dari neraka. Baginda lalu bersabda:

لَقَدْ سَأَلْتَنِي عَنْ عَظِيمٍ ، وَإِنَّهُ لَيَسِيرٌ عَلَى مَنْ يَسِّرُهُ اللَّهُ عَلَيْهِ ، تَعْيُدُ اللَّهُ وَلَا تُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا ، وَتُقِيمُ الصَّلَاةَ ، وَتُؤْتِي الزَّكَاةَ ، وَتَصُومُ رَمَضَانَ ، وَتَحُجُّ الْبَيْتَ ، ثُمَّ قَالَ أَلَا ذَلِكَ عَلَى أَبْوَابِ الْخَيْرِ : الصَّوْمُ جَنَّةٌ ، وَالصَّدَقَةُ تُطْفِئُ الْخَطِيئَةَ كَمَا يُطْفِئُ الْمَاءُ النَّارَ



Sambungan.. Kelebihan Bersedekah

Maksudnya: “Demi Allah! Sesungguhnya kamu telah bertanya padaku tentang sesuatu yang besar. Sesungguhnya ia memang mudah bagi sesiapa yang dimudahkan oleh Allah kepadanya. Kamu menyembah Allah tanpa menyekutukan sesuatu dengan-Nya, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan menunaikan haji di Baitullah. Kemudian Baginda bersabda lagi: Tidakkah kamu mahu aku tunjukkan pintu-pintu kebaikan? Puasa itu perisai. Sedekah memadam dosa sepertimana air memadam api.” Riwayat al-Tirmizi (2616), al-Nasa’ie dalam al-Sunan al-Kubra (11394) dan al-Tabarani dalam al-Mu’jam al-Kabir (103)

“Bersedekah menjauhkan seseorang daripada api neraka”

Daripada Adi Bin Hatim RA, dia berkata aku mendengar Rasulullah S.A.W. bersabda:

اتَّقُوا النَّارَ وَلَوْ بِشِقَّةِ تَمْرَةٍ

Maksudnya: “Jagalah diri kalian daripada api neraka walaupun hanya bersedekah dengan sepotong kurma.” Riwayat al-Bukhari (3595)





KELUARGA SAKINAH

Tips Membentuk Keluarga Sakinah (Bahagia)



Membentuk sebuah keluarga sakinah (bahagia) sememangnya tidak mudah namun ia bukanlah suatu perkara yang mustahil untuk dicapai. Al-Quran telah menggariskan kepada kita neraca yang perlu diikuti dalam pembentukan sebuah keluarga bahagia. Antara tips yang dikemukakan dalam Surah Luqman (31) adalah:

1. Sentiasa bersyukur terhadap nikmat yang Allah SWT kurniakan. Kecil atau besar pada pandangan manusia bukanlah ukuran yang harus diperbahaskan.
2. Berjaga-jaga dengan syirik (mempersekutukan Allah SWT). Berhati-hati dengan amalan yang boleh menyebabkan terjatuh kepada syirik.
3. Mendidik anak-anak dan keluarga agar sentiasa berbuat baik kepada kedua ibubapa mereka.
4. Menitikberatkan hal-hal kerohanian (sensitif dengan perkara dosa dan pahala) disamping perkara-perkara berbentuk fizikal atau mental.
5. Mengambil berat tentang solat, berbuat makruf, melarang munkar dan bersabar atas bencana atau ujian yang menimpa.

Sungguh! Dialah yang menciptakan manusia, Dialah yang lebih mengetahui tentang apa yang diperlukan oleh makhluk ciptaanNya ini. Yakinlah.

Garapan Abu Syakir
Bangi





KOPLIT

DARI DAPUR KOPLIT

"Koleksi resipi mudah dan berkhasiat – Insya Allah dijamin sedap dan menjadi! Jom cuba sekarang!"

Makaroni Bakar

Bahan-bahan:

- ½ kg daging lembu
- 1 kotak kecil makaroni
- 6 biji telur
- 1 tin susu cair
- 1 gelas keju parut
- 2 labu bawang besar
- 2 biji bawang putih
- 1 sudu makan lada putih
- 1 sudu makan serbuk buah pala
- 1 cawan mentega
- Garam dan gula secukup rasa.



Cara Membuatnya:

1. Makaroni dipatah-patahkan dan direbus sehingga lembut. Toskan .
2. Telur dipukul sehingga kembang, masukkan semua bahan lain termasuk susu cair, keju, mentega dan lain-lain. Jadikan adunan yang cair.
3. Masukkan makaroni dan dikacau supaya elok bercampur.
4. Masukkan ke dalam loyang pembakar yang telah dilengserkan (disapu) dengan marjerin.
5. Bakar di dalam oven atau air fryer selama 40 minit dengan suhu 170°C atau sehingga masak. (Suhu & masa mungkin berubah mengikut kesesuaian peralatan masing-masing)



KOPLIT

Bulletin Koplit



Hubungi Kami:

**KOPERASI PERUMAHAN
LEPASAN INSTITUSI PENGAJIAN
TINGGI BERHAD (KOPLIT)**

A-03-2, Jalan Medan Pusat Bandar 5,
Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor.
Tel: 03-8927 4244, Fax: 03-8927 5244

Email: info@koplit.com.my

019-220 6244



**JOM JADI ANGGOTA
KOPLIT**

*Tertakluk terma & syarat

**BULETIN KOPLIT
BIL 4**

Rekabentuk Grafik
AIFAS MEDIA
www.aifasmedia.com